

ANUGERAH

(1)

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 0001; 10 SEPT.

1981

KOTA KINABALU, 9 SEPT. (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGETUAI SENARAI 881 ORANG YANG DIANUGERAHKAN DARJAH KEBESARAN OLEH YANG DIPERTUA NEGERI SABAH TUN HAJI MOHAMED ADNAN ROBERT SEMPERNA HARI JADINYA ESOK.

PERDANA MENTERI MENERIMA ANUGERAH TERTINGGI NEGERI, SRI PENGLIMA DARJAH KINABALU (SPDK), YANG MEMBAWA GELARAN +DATUK+.

SEMBILAN ORANG DIBERI ANUGERAH PANGGLIMA GEMILANG DARJAH KINABALU (PGDK) YANG JUGA MEMBAWA GELARAN +DATUK+.

MEREKA TALAH DATUK RASTAM HADI, PENGARAH URUSAN PETRONAS; ENCIK GEORGE CHIN KOK MIN, TIBALAN PENERUSI LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI; ENCIK CONRAD MOJUNTIN, PEMBANTU MENTERI PEMBANGUNAN DAN PERANCANGAN KEWANGAN; HAJI PAWANCIK ZAINUDDIN, SETIAUSAHA PERSEKUTUAN KE SABAH; ENCIK SHAFFAR ARIF ABAN, AHLI PARLIMEN BANDAUA; HAJI TUANKU BALANGGUNG, PEGAWAI DAERAH BEAUFORT; ENCIK LIU KAI, SEORANG AHLI PERNIAGAAN; ENCIK MOHAMED AMIN HAJI SATEM, PENGARAH URUSAN SARAWAK CEMENT MANUFACTURERS AND JUTAWAN SARAWAK ENCIK WEE BOON PING.

SERAMAI 28 ORANG DIKURNIAKAN AHLI SETIA DARJAH KINABALU (ASDK) TERMASUK PENGURUS MAS BAGI SABAH DAN BRUNEI ENCIK MAT SAH TALIB, DATIN NANCY MOJUNTIN, BALU MENDIANG MENTERI NEGERI DATUK PETER MOJUNTIN, DAN SEORANG PEGAWAI KANAN KERAJAAN ENCIK FRED SOLIBUN.— BERSAMBUNG 2045/HM